

Pak Lah ingatkan Melayu usah jual tanah

BUTTERWORTH: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan pemilik tanah khususnya orang Melayu di sekitar projek pembangunan kerajaan seperti Jambatan Kedua Pulau Pinang tidak mengambil jalan singkat dengan menjual tanah mereka.

Perdana Menteri berkata, pemilik tanah perlu menjaga tanah mereka sebaik mungkin dengan membangunkannya sendiri atau untuk tujuan lain yang boleh memberi pulangan pada masa depan.

Katanya, walaupun banyak permintaan membeli tanah pada harga tinggi, mereka perlu berhati-hati kerana wang diperoleh mudah dihabiskan.

"Tanah modal penting bagi rakyat bagi pembangunan masa depan. Jangan cepat jual tanah, bila dengar harga tanah naik.

"Jagalah tanah itu, gunakan untuk pembangunan atau tujuan lain yang boleh bagi pulangan, jangan ambil jalan singkat.

"Jual, jual, duit dapat duit sikit, tidak sampai setahun habis, lepas itu melangut,"

katanya ketika berucap pada majlis sambutan mesra Aidilfitri Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) Pulau Pinang di Seberang Jaya di sini, semalam.

Sementara itu, di NIBONG TEBAL, Abdullah memberi jaminan perkhidmatan feri di Pulau Pinang diteruskan walaupun kerajaan membina Jambatan Kedua.

Malah, katanya, perkhidmatan feri menghubungkan Pangkalan Sultan Abdul Halim di Seberang Prai dan Pangkalan Tun Raja Uda di pulau, akan dipertingkatkan lagi.